



KENYATAAN AKHBAR MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

STATISTIK TERKINI JANGKITAN COVID-19 DI MALAYSIA

- Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan **DUA (2)** lagi kes yang telah pulih sepenuhnya dan dibenarkan pulang ke rumah lewat petang semalam (19 Februari 2020).
- Dua (2) kes tersebut adalah:
 - **Kes ke-20:** Merupakan seorang lelaki warganegara China berumur 27 tahun dan telah disahkan COVID-19 pada 14 Februari 2020.
 - **Kes ke-21:** Merupakan seorang wanita warganegara China berumur 32 tahun dan telah disahkan COVID-19 pada 14 Februari 2020.
- Sehubungan itu, jumlah kes yang telah pulih sepenuhnya dan discaj sehingga hari ini ialah **17**.
- KKM juga ingin memaklumkan bahawa **TIADA** kes baru dilaporkan pada hari ini, 20 Februari 2020.
- Jumlah kumulatif kes COVID-19 yang dilaporkan sehingga hari ini **KEKAL** sebanyak 22 kes dengan **hanya lima (5) kes masih dirawat di wad**.
- Kesemua lima (5) kes yang masih dirawat seperti dibawah adalah dalam keadaan stabil :
 - **Tiga (3)** di Hospital Kuala Lumpur (HKL).
 - **Seorang (1)** di Hospital Sultanah Bahiyah, Kedah.
 - **Seorang (1)** di Hospital Sungai Buloh.

KAPAL PERSIARAN DIAMOND PRINCESS

- KKM telah dimaklumkan oleh Kedutaan Besar Malaysia di Tokyo, Jepun berhubung perkembangan terkini EMPAT (4) orang rakyat Malaysia yang berada di atas kapal Diamond Princess di Jepun.
 - TIGA (3) Penumpang
 - Seorang (1) krew
- Untuk makluman, kapal persiaran ini telah menjalani kuarantin kapal bermula 4 Februari 2020 di salah satu pelabuhan di Jepun selepas ujian pengesanan COVID-19 mengesahkan terdapat penumpang dijangkiti virus tersebut.
- Dua (2) daripada mereka, pasangan suami (71 tahun) isteri (66 tahun), telah disahkan positif pada 16 Februari 2020 dan berada dalam keadaan stabil. Mereka kini berada di Hospital Fujita di Nagoya untuk menerima rawatan lanjut.
- Seorang lagi penumpang warganegara Malaysia, seorang wanita berusia 61 tahun, telah disahkan negatif jangkitan COVID-19 dan dibenarkan pulang ke Malaysia oleh pihak berkuasa kesihatan Jepun setelah menjalani kuarantin selama 14 hari.
- Manakala seorang lagi warganegara Malaysia yang juga salah seorang krew kapal persiaran tersebut masih dalam pemantauan di dalam kapal oleh pihak berkuasa kesihatan Jepun.

Sekian, terima kasih.

YB DATUK SERI DR. DZULKEFLY AHMAD

Menteri Kesihatan Malaysia

20 Februari 2020